

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**  
**[ JERANTUT ]**  
**TARIKH : 5. NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah syarikat dan pengarah syarikat yang telah memohon atau diambil tindakan pembatalan syarikat menurut peruntukan di bawah Seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016 yang layak mendapat pengurangan kompaun sebanyak 90 peratus setakat ini.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan Insentif Pengurangan Kompaun Bagi Pembatalan Nama Syarikat di bawah Seksyen 549 / 550 Akta Syarikat 2016 bermula 17 Ogos 2020 sehingga 31 Disember 2020. Insentif ini merupakan inisiatif prihatin SSM dalam membantu syarikat yang sedang menghadapi masalah kewangan akibat pandemik COVID-19.
2. Melalui insentif ini, komuniti korporat layak menikmati pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun. Kadar pengurangan kompaun 90% ini adalah terpakai kepada semua kompaun yang telah ditawarkan di bawah Akta Syarikat 1965 (AS 1965) dan Akta Syarikat 2016 (AS 2016).
3. Berdasarkan rekod SSM, sebanyak 7,047 syarikat layak untuk mendapat insentif pengurangan kompaun ini. Daripada jumlah tersebut, SSM telah menerima sebanyak 4,872 permohonan pembatalan nama syarikat di bawah Seksyen 549 / 550 AS 2016 dalam tempoh 17 Ogos 2020 sehingga 22 Oktober 2020. Pengenalan insentif ini akan menggalakkan komuniti korporat untuk membuat permohonan pembatalan syarikat sekiranya syarikat mereka tidak lagi beroperasi atau menjalankan sebarang aktiviti perniagaan.

Sekian, terima kasih.